



**PERJANJIAN JAMINAN TATATERTIB
KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK**

Bahawasanya, saya _____

No Kad Pengenalan _____ beralamat tetap di _____

telah ditawarkan untuk menjadi penghuni Kolej Kediaman, Politeknik Mukah.

Dengan ini, saya berikrar dan bersetuju akan sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang Kolej Kediaman Politeknik Mukah (PMU) termasuk kesemua pindaan terhadapnya dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi penghuni di sini. Saya berjanji akan menjaga disiplin diri serta bertanggungjawab sepenuhnya kepada kebersihan dan keselamatan semua peralatan di dalam dan di luar kolej kediaman serta persekitarannya.

Sekiranya berlaku mana-mana satu keadaan berikut:-

- Bermalam di luar tanpa kebenaran Pengurus Kolej Kediaman / Ketua Warden
- Lewat pulang ke Kolej Kediaman (selepas jam 7.00 malam)
- Membuat penyambungan elektrik tanpa kebenaran Pengurus Kolej Kediaman / Ketua Warden (sambungan haram)
- Merosakkan/memusnahkan dan menyalahgunakan harta benda termasuk perabot dan bangunan Kolej Kediaman
- Menyimpan/memiliki senjata yang boleh dianggap mengancam keselamatan penghuni Kolej Kediaman yang lain dan kakitangan PMU (seperti pisau, kapak, buku lima dan lain-lain)
- Membawa/memiliki makanan/minuman yang haram di sisi Agama Islam ke kawasan Kolej Kediaman
- Kekotoran akibat pembuangan sampah, puntung rokok sama ada di dalam bilik, kawasan ruang legar, tangga, persekitaran kolej kediaman atau kafeteria
- Terlibat dengan aktiviti berkaitan dengan rokok atau dadah atau arak atau judi atau bahan lucah atau kumpulan haram atau kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara
- Membawa atau membenarkan pelawat/setingan (bukan penghuni Kolej Kediaman) masuk ke kawasan larangan atau bermalam di mana-mana bilik Kolej Kediaman
- Menceroboh masuk ke kawasan Kolej Kediaman pada waktu yang tidak dibenarkan berada di Kolej Kediaman (seperti semasa cuti pengajian)
- Melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang Politeknik Mukah
- Melanggar mana-mana undang-undang yang diperuntukkan dalam Akta 174

maka pihak Jawatankuasa Tatatertib Politeknik Mukah atau Jawatankuasa Warden berhak mengenakan hukuman seperti:-

- Denda RM50.00 seorang terhadap pelaku atau
- Denda RM50.00 seorang terhadap semua penghuni kolej kediaman blok berkenaan atau
- Ditarik balik kemudahan kolej kediaman

Sekiranya saya masih mengulangi mana-mana kesalahan di atas, maka pihak Jawatankuasa Tatatertib Politeknik Mukah berhak untuk mengambil tindakan lain seperti bayaran denda yang lebih tinggi atau ditarik balik kemudahan kolej kediaman dalam tempoh masa 24 jam atau apa jua hukuman mengikut budi bicara pihak Jawatankuasa Tatatertib Politeknik Mukah.

Persetujuan ini dibuat secara suci hati atas kerelaan saya sendiri tanpa desakan atau paksaan dari mana-mana pihak.

Persetujuan ini dilafazkan dua kali bersaksikan

- a) Ibumama/penjaga
- b) Warden Kolej Kediaman

a) _____
Tandatangan Pelajar

Nama :
Tarikh :

Tandatangan Ibumama/Penjaga

Nama :
Tarikh :

b) _____
Tandatangan Pelajar

Nama :
Tarikh :

Tandatangan Warden

Nama :
Tarikh :